



No. Rujukan : KUIM/KEW/PINJ/PTPTN/2020

Tarikh : 04 Mac 2020

0 Rejab 1441 H

Assalamualaikum wr.wb / Salam Sejahtera

<b>TAJUK</b>	<b>MAKLUMAN PERTUKARAN BANK PEMBAYAR PINJAMAN PENDIDIKAN PTPTN DARI CIMB KE BIMB MULAI 1 JULAI 2020</b>
<b>KEPADA</b>	<b>Semua mahasiswa/ mahasiswi Kolej Universiti Islam Melaka</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Bendahari</b>
<b>SALINAN KEPADA</b>	<b>YBhg Naib Canselor Timb. Naib Canselor HEPA Dekan Fakulti (FKI/ FIPT/ FSS/ FUG/ FPHP/ FBP/ FKSK) Presiden MPP</b>

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil 1/2020 bertarikh 19 Februari 2020 adalah berkait.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Bendahari telah mendapat kelulusan pertukaran bank pembayar pinjaman pendidikan PTPTN dari CIMB ke BIMB mulai 1 Julai 2020.

3. Sehubungan itu, dipohon kerjasama mahasiswa/l peminjam PTPTN untuk memuat turun dan mencetak borang berikut dari laman web rasmi KUIM.

- 1) Borang Pembukaan Akaun BIMB
- 2) Borang Kebenaran Pemotongan dari Akaun Simpanan Pelajar bagi Perlaksanaan Proses 'Direct Debit'

Berikut adalah senarai dokumen yang diperlukan untuk pembukaan akaun bagi pelajar berumur 18 tahun dan keatas:

- 1 salinan kad pengenalan pelajar
- 1 salinan lesen memandu pelajar/ sijil kelahiran pelajar
- 1 salinan kad pelajar

4. Untuk makluman, pembukaan akaun adalah 'Tanpa Deposit' dan akan dibuat secara pukal oleh pihak BIMB pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Mahasiswa/l diminta untuk menyerahkan kedua-dua borang beserta salinan dokumen yang ditetapkan ke Unit Pinjaman dan Biasiswa, Pejabat Bendahari selewat-lewatnya sebelum atau pada 31 Mac 2020.

5. Kegagalan mahasiswa/l peminjam PTPTN membuka akaun BIMB pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan bayaran PTPTN pada bulan Julai nanti tidak dapat dikreditkan ke akaun pelajar dan pihak Kolej tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan tersebut.

Kerjasama dan perhatian dari semua mahasiswa/l kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

**“MELAKA BERWIBAWA”**

**“PINTAR, HIJAU, BERSIH”**

**“WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(NORASHIKIN BINTI ABDUL RAHIM)**